



# **MODUL PINTAS TINGKATAN 5**

**Peperiksaan Percubaan Tahun 2019**

**Skema Jawapan Bahasa Melayu**

**Kertas 2 1103/2**

SULIT

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN TAHUN 2019**

**1103/2(PP)**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Peraturan Pemarkahan**

**Ogos**

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

---

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

**Soalan 1**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- |            |                    |
|------------|--------------------|
| (a) Isi    | - <b>20 markah</b> |
| (b) Bahasa | - <b>10 markah</b> |

- (a) **Isi** [20 markah]

**Nota**

- (i) Panduan mengira perkataan

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata depan *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120** perkataan sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										<b>2</b>
<b>Jumlah Markah</b>										<b>20</b>

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian Bahasa
Baik	18 - 20 15 - 17	09 - 10 07 - 09	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat/tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda baca/ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 - 14 08 - 11	06 - 07 04 - 06	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda baca/ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	01 - 07	01 - 04	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan kurang **120** perkataan, markah tidak dipotong.

[Markah Bahasa, **Maksimum: 10 markah**]

**Soalan 1 : Rumusan****Pendahuluan**

P1	Petikan membincangkan punca-punca / faktor-faktor remaja perlu didedahkan dengan pengurusan kewangan di negara kita.	2m
P2	Petikan membincangkan punca-punca / faktor-faktor remaja perlu didedahkan dengan pengurusan kewangan dan panduan untuk menjayakan perancangan kewangan.	2m
P3	Rumusan membincangkan punca-punca / faktor-faktor remaja perlu didedahkan dengan pengurusan kewangan dan kesannya.	2m

**Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]**

S1	membimbing mereka untuk tidak melakukan aktiviti kewangan yang berisiko	2m
S2	dapat merancang masa depan dengan lebih strategik.	2m
S3	tidak akan terbelenggu dengan masalah kekurangan wang	2m
S4	dapat memastikan remaja mampu membayar balik wang pinjaman pendidikan	2m
S5	Mereka boleh menggunakan wang simpanan yang dikumpulkan untuk menjalankan perniagaan bagi meneruskan kelangsungan hidup	2m
S6	dapat membantunya untuk memulakan pekerjaan	2m
S7	boleh menampung perbelanjaan kehidupan harian	2m
S8	Mereka juga mampu menjana pendapatan	2m

**Isi Tersirat – (Kesan )[4 hingga 12 markah]**

T1	Melahirkan remaja yang mempunyai matlamat.	2m
T2	Remaja lebih bersedia menghadapi masa hadapan.	2m
T3	Remaja tidak dibelenggu dengan beban hutang.	2m
T4	Kehidupan masa hadapan lebih terjamin.	2m
T5	Mengeratkan hubungan sosial dengan orang sekeliling kerana bebas hutang.	2m

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, remaja haruslah dididik dengan pengurusan kewangan agar melahirkan generasi yang berhemat.

- 2m

**Soalan 2: Pemahaman**  
**[35 markah]**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2 (a) : **9 markah**  
 Soalan 2 (b) : **9 markah**  
 Soalan 2 (c) : **8 markah**  
 Soalan 2 (d) : **9 markah**

**Perhatian bagi Soalan 2 (a) hingga 2 (d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul**, berikan separuh (**50%**) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah:

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas dan ayat tidak gramatis	0

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

- (i) Maksud rangkai kata *kes kebankapan*  
- Perkara/hal/kejadian kemuflisan - [2 markah]

- (ii) Pengarang menyatakan beberapa panduan untuk menjayakan perancangan kewangan. Kemukakan panduan-panduan tersebut.

P1- Setiap kali mempunyai duit berlebihan, jadikannya sebagai bahagian wang yang hendak disimpan  
P2- Mewujudkan akaun khas.

P3- Hadkan penggunaan kad kredit

P4- Bijak membuat keputusan terhadap kewangan.

[3 markah]

[ isi cukup 2 isi]

- (iii) Sekolah merupakan institusi yang bertanggungjawab dalam menyemai pendidikan berkaitan pengurusan kewangan.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi membantu murid-murid bijak dalam pengurusan kewangan.

P1- Kempen Pengurusan Kewangan

P2- Pertandingan Simpanan Wang

P3- Bekerjasama dengan pihak bank untuk kemudahan murid-murid menabung.

P4- Penubuhan Kelab / Mengiatkan aktiviti kelab yang berkaitan dengan keusahawanan.

[4 markah]

[ isi cukup 3 isi]

\*\*\*Terima mana-mana isi yang relevan

**Soalan 2(b) - Petikan Prosa Moden - drama**

- (i) Sebab sistem yang prorakyat sistem yang betul  
 P1 - sistem yang dapat mengawal wang 1m  
 P2 - sistem yang dapat mengawal kuasa 1m  
 P3 - sistem yang dapat mengawal manusia 1m
- [maksimum: 2 markah]  
 [isi cukup: 2 isi]
- (ii) Langkah-langkah yang boleh diambil oleh remaja untuk menangani stres  
 P1 - melakukan aktiviti beriadah seperti berbasikal, berjoging bersiar-siar dan sebagainya.  
 P2 - sentiasa berfikiran positif apabila berhadapan dengan situasi yang sukar  
 P3 - mendengar muzik atau menonton wayang /melancong bersama keluarga  
 P4 - mendekatkan diri dengan Tuhan /solat/berzikir/menghadiri kuliah agama  
 P5 - mendapatkan khidmat psikitris/kaunselor
- [maksimum: 3 markah]  
 [isi cukup: 2 isi]
- (iii) Perwatakan Azmir dalam petikan
- P1 - Seorang yang tegas dengan pendirian  
 Contohnya, Azmir tetap teguh dengan pendapat dan pendiriannya ketika berbalah dengan rakan-rakannya tentang isu kuasa dan sistem.
- [ 1 + 1 ]
- Perwatakan Azmir daripada **keseluruhan drama**;
- P1 - Seorang yang tabah  
 Azmir yang menghidap penyakit barah otak melawan penyakitnya itu bersendirian. Tanpa ibu dan ayahnya mengetahui tentang penyakitnya.
- [ 1 + 1 ]
- P2 - Seorang yang meghargai jasa  
 Azmir berterima kasih kepada ayah dan ibunya yang telah melahirkan dan membesarinya. Dia juga berterima kasih kepada petani,nelayan dan buruh perkasa yang telah membangunkan rakyat dan negara.
- [ 1 + 1 ]
- P3 - Seorang yang setia  
 Azmir amat setia mencintai Ani tetapi anilah yang telah meninggalkannya sewaktu azmir berhadapan dengan sakit barah otak.
- [ 1 + 1 ]
- P4 - Seorang yang prihatin  
 Azmir mempertikaikan sikap Pak Haji yang sepatutnya prihatin terhadap penderitaan yang dilaluinya dan orang yang senasib dengannya.
- [ 1 + 1 ]
- [maksimum: 4 markah]  
 [isi cukup: 2 isi]

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Tradisional**

- (i) Maksud *sahaya semua*  
 -saya segala/sekelian 2m  
 -*sahaya* segala/sekelian 1m  
 -saya *semua* 1m
- (ii) Peristiwa yang berlaku setelah Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dilantik menjadi orang besar di Melaka  
 P1 - anak Melayu pun berbelah  
 P2 - setengah pada Paduka Raja  
 P3 - setengah pada Seri Nara Diraja  
 P4 - Seri Nara Diraja tidak bermuafakat dengan Paduka Raja [maksimum: 3 markah]  
[isi cukup: 2 isi]
- (iii) Tindakan –tindakan lain  
 P1 - memanggil pembesar untuk berbincang tentang sesuatu isu  
 P2 - menerima luahan pendapat dan cadangan pembesar sekiranya sesuai  
 P3 - membayar gaji/upah yang tinggi bersesuaian dengan jawatan yang disandang  
 P4 - memberikan hadiah/ganjaran/pingat  
 P5 - memberi layanan sama rata dan adil kepada semua pembesar/tidak pilih kasih [maksimum: 3 markah]  
[isi cukup: 2 isi]

**Soalan 2 (d) – Puisi Modern**

- (i) Maksud rangkai kata *jangan terpegun*  
 - Usah terkaku [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan anak-anak yang terlalu sibuk dengan kerjaya dan tanggungjawab masing-masing untuk membala jasa ibu bapa mereka?  
 Cadangkan usaha-usaha anda.  
 P1- Menghormati / menyayangi ibu bapa  
 P2- Meluangkan masa untuk berkomunikasi/ menziarahi ibu bapa.  
 P3- Menyediakan keperluan hidup yang lebih selesa.  
 P4- Memberi hadiah hari lahir, tarikh/ hari istimewa ibu bapa [3 markah]  
[isi cukup: 2 isi]
- (iii) Jelaskan **dua** persoalan yang terdapat dalam sajak di atas.
- P1- Persoalan kehidupan warga tua yang mendambakan kasih sayang anak-anak.  
 Contoh, ibu bapa yang sudah tua yang tinggal berjauhan dengan anak-anak mengharap anak-anaknya datang menjenguknya. [ 1 + 1 ]
- P2- Persoalan kealpaan anak-anak menunaikan tanggungjawab kepada ibu bapa.  
 Contoh, anak-anak alpa terhadap tanggungjawab masing-masing untuk menjaga ibu bapa sehingga mengharap sesama sendiri yang akhirnya ibu bapa terabai. [ 1 + 1 ]
- P3- Persoalan kasih sayang ibu bapa yang tiada sempadan terhadap anak-anak.  
 Contoh, penyajak terus berdoa agar anak-anaknya insaf atas perbuatan mereka yang meminggirkannya. [ 1 + 1 ]
- [4 markah]

**Soalan 3**

[30 markah]

Soalan 3(a) : 6 markah

Soalan 3(b) : 6 markah

Soalan 3(c) : 6 markah

Soalan 3(d) : 6 markah

Soalan 3(e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

Soalan 3(a)

Bil	Perkataan	Maksud kata
(i)	agar-agar	1. nama sj lumut laut, <i>Eucheuma spp.</i> 2. kuih yg dibuat drpd agar-agar
(ii)	datang-datang	1. setibanya; apabila datang: ~ ke rumah, dia bersungut. 2. kerap (sering) datang: Apabila ada masa lapang, ~lah ke rumah saya
(iii)	bertabur-tabur	1. berselerak (di sana sini), berhamburan dan tidak bersusun, berserak-serak: di hadapannya ~ beberapa keping kad selamat hari raya; 2. terdapat (kelihatan) dengan banyaknya: mereka singgah di pulau-pulau yg ~ di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu;
(iv)	mengais-ngais	1. mencakar-cakar atau mengorek-ngorek tanah (spt ayam yg mencari makanan), menggaru tanah (pasir): hujung kakinya mengais-ngais tanah; 2. ki mencari rezeki dgn susah payah;
(v)	riuh-rendah	riuh gemuruh, sangat riuh riuh gemuruh, sangat riuh
(vi)	simpang-siur	1. terlalu banyak dan silang-menyalang (jalan raya, kawat telefon, dll); 2. terlalu banyak liku-likunya (jalan), berliku-liku; 3. terlalu banyak kesulitan atau keruwatan (kerana berliku-liku, libat-melibat, sangkut-menyangkut, dll); 4. bergerak ke sana ke mari (kenderaan di jalan raya), sibuk benar, hilir mudik; bersimpang-siur bergerak ke sana ke mari, sibuk benar, hilir mudik

[6 markah]

SULIT

Soalan 3(b)

Bil	Jawapan Contoh
(i)	<i>Bilakah emak pergi ke pasar?</i> <i>Emak pergi ke pasar bila?</i>
(ii)	<i>Siapakah pengetua di madrasah itu?</i> <i>Pengetua di madrasah itu, siapa?</i>
(iii)	<i>Mengapakah Hasnah menerima ucapan penghargaan?</i> <i>Hasnah menerima ucapan penghargaan, mengapa?</i>
(iv)	<i>Di manakah pertandingan bola jaring itu diadakan?</i> <i>Pertandingan bola jaring diadakan di mana?</i>
(v)	<i>Apakah alat yang digunakan untuk mengorek bijih timah di lombong itu?</i> <i>Alat yang digunakan untuk mengorek bijih timah di lombong itu, apa?</i>
(vi)	<i>Bagaimanakah keadaan ayah setelah selesai menjalani pembedahan?</i> <i>Keadaan ayah setelah selesai menjalani pembedahan, bagaimana?</i>

[6 markah]

Soalan 3(c)

Bil	Kesalahan ejaan	Pembetulan	Kesalahan Imbuhan	Pembetulan
(i)	<i>bertanggung jawab</i>	<i>bertanggungjawab</i>	<i>capaikan</i>	<i>mencapai</i>
(ii)	<i>Ramadhan</i>	<i>Ramadan</i>	<i>dilancar</i>	<i>dilancarkan</i>
(iii)	<i>ginius</i>	<i>genius</i>	<i>dimulakan</i>	<i>bermula</i>

[6 markah]

Soalan 3(d)

Bil	Kesalahan penggunaan kata atau istilah	Pembetulan	Kesalahan tatabahasa	Pembetulan
(i)	<i>lenyap</i>	<i>musnah, hancur</i>	<i>beribu</i>	<i>beribu-ribu</i>
(ii)	<i>dijelajah</i>	<i>dijajah</i>	<i>masa ke semasa</i>	<i>masa ke masa</i>
(iii)	<i>lampin buang pakai</i>	<i>Lampin pakai buang</i>	<i>di dalam</i>	<i>dalam</i>

[6 markah]

Soalan 3(e)

Bil	Maksud Peribahasa	Peribahasa
(i)	<i>Membahagikan sesuatu barang dengan adil dan saksama</i>	- Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.
(ii)	<i>Perselisihan faham antara saudara-mara dan adik-beradik tidak berpanjangan, akhirnya akan berbaik semula.</i>	- Carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum juga. - Air dicencang tidak akan putus
(iii)	<i>Sesuatu keputusan bergantung pada diri sendiri untuk melakukannya.</i>	Dayung sudah di tangan, perahu sudah di air.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

**Panduan pemarkahan:****Soalan 4(a)**

1. Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dipelajari.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
3. Beri 2 markah bagi setiap peristiwa yang betul.
4. Beri 1 markah bagi **huraian / contoh** yang lengkap dan jelas.
5. Markah isi maksimum 4 markah.
6. Markah bahasa maksimum 3 markah.
7. Markah bahasa diberikan secara *impression*
  - Baik - 3 m
  - Sederhana - 2 m
  - Lemah - 1 m
8. Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa

**Skema Jawapan Cadangan 4(a)****Novel Tirani**

Bil.	Contoh Peristiwa	Markah
1	<p>Pada keesokan pagi, Raidah dan Bazilah menemani Waheeda ke SMC. Selepas berjumpa dengan Dr Alma Chen dan menandatangani beberapa dokumen mereka terus ke bilik bedah. Di luar dewan bedah, Raidah memeluk anaknya dan mendoakan keselamatan Waheeda. Begitu juga dengan Bazilah. Kemudian Waheeda berjalan masuk ke bilik bedah dengan hati yang tabah demi kecantikan wajahnya.</p> <p>Hal ini kerana, peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana peristiwa ini menyedarkan pembaca tentang nilai kasih sayang seorang ibu, Raidah terhadap anaknya, Waheeda.</p>	1
2	<p>Raidah berasa senang dan terus ke bilik Waheeda. Raidah perasan perubahan yang dialami oleh Waheeda. Perasaan sayang dan cintai terhadap Zahid menjadikan jiwa Waheeda tidak tenteram. Kemurungan Waheeda juga dapat diperhatikan oleh Ghazi dan mencadangkan agar Waheeda mendapat bantuan pakar perubatan dan kaunseling.</p> <p>Hal ini kerana, peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana peristiwa ini menyedarkan pembaca bahawa pentingnya peranan seorang ibu membantu anaknya ketika dia menghadapi kemurungan.</p>	1
3	<p>Perbualan antara Aiman dan Zahid berkisar tentang kekesalan Zahid yang menceraikan isterinya akibat curiga dan menuduh isterinya curang melahirkan anak yang tidak mewarisi wajah mereka berdua. Zahid juga menceritakan kepada Aiman tentang sikapnya yang tidak mahu membaca laporan data DNA tentang anak mereka. Zahid juga kesal kerana telah ditimpa kemalangan jalan raya di Los Angeles mengakibatkan kakinya tempang dan doktor mengesahkan bahawa dia tidak lagi berdaya mendapat zuriat. Izzati yang mendengar terkedu.</p> <p>Hal ini kerana, peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana peristiwa ini menyedarkan pembaca bahawa sikap mementingnya diri Zahid yang tidak mengakui Izzati anaknya, akhirnya dia menerima balasan akibat perbuatan.</p>	1

**Novel Leftenan Adnan**

Bil.	Contoh Peristiwa	Markah
1103/2		Lihat sebelah

SULIT

1	<p>Usai solat Subuh, Adnan berdoa supaya keluarga mereka kuat menghadapi tohongan orang kampung. Cikgu Nazri kagum kerana Pak Saidi sanggup menghantar Adnan dengan berbasikal walaupun jaraknya jauh. Pada sebelah malam Pak Saidi mengajar anak-anaknya mengaji al-Quran.</p> <p>Hal ini kerana, peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana pembaca harus menyedari bahawa setiap ibu bapa harus mementingkan pendidikan anak-anak sejak dari kecil.</p>	1 1
2	<p>Semangat askar yang masih hidup segera luntur dan lebih suka pulang ke tanah air mereka. Maka, hanya askar Melayu terus berjuang mempertahankan tanah air. Askar Melayu berlindung di kubu ketika serangan Jepun pada waktu malam. Hospital tentera musnah dengan 700 orang askar India terkorban. Tentera Gurkha dan pasukan meriam British di Bukit Timah tewas. Pengalaman tentera Jepun berperang di China digunakan bagi melemahkan tentang British.</p> <p>Tinggal Bukit Candu dan pasir Panjang sebagai benteng terakhir bagi menyelamatkan pangkalan utama Alexandra. Tanggungjawab digalas oleh kapten Rix dan Leftenan Adnan setelah Percival enggan mengaku kalah. Rix ragu-ragu, tetapi Adnan berjanji akan bertahan hingga ke titisan darah terakhir.</p> <p>Hal ini kerana, peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana pembaca harus menyedari bahawa setiap askar harus menanamkan semangat juang yang tinggi dalam mempertahankan negara seperti Leftenan Adnan.</p>	1
3	<p>Pada suatu hari berpuluhan-puluhan askar Jepun sampai ke kampung Sungai Ramal, Kajang. Mereka mencari keluarga Leftenan Adnan. Tetapi penduduk kampung telah berpapak tidak akan bekerjasama dengan tentera Jepun. Mereka menyembunyikan keluarga Leftenan Adnan. Keberanian Leftenan Adnan menjadi pencetus semangat anak-anak muda bagi menentang tentera Jepun. Ramai yang menyertai pasukan pembebasan rakyat bagi menentang pendudukan Jepun di tanah Melayu</p> <p>Hal ini kerana, peristiwa ini memberikan kesedaran kepada pembaca kerana pembaca menyedari bahawa semangat kerjasama penting untuk menyelamatkan penduduk kampung</p>	1 1

\*\*\*Terima mana-mana isi yang relevan

**Soalan 4(b)**

- 1) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari di tingkatan empat dan di tingkatan lima.
- 2) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- 3) Beri 1 markah bagi setiap **pernyataan tentang pengajaran kegigihan**.
- 4) Beri 2 markah bagi setiap **huraian peristiwa** yang betul untuk setiap pernyataan.
- 5) Markah isi maksimum 6 (maksimum 3 markah bagi setiap isi).
- 6) Markah bahasa maksimum 2.
- 7) Markah bahasa diberi secara *impression*

Baik : 2 markah

Lemah : 1 markah

- 8) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- 9) Calon tidak menjawab 0 markah.

Skema Jawapan Cadangan 4(b)

**Pengajaran Kegigihan bagi Novel Leftenant Adnan**

Bil.	Contoh Peristiwa	Markah
1	<p><b>Kita hendaklah gigih dalam melakukan sesuatu perkara untuk memastikan anak-anak menerima pendidikan formal demi masa hadapan mereka.</b></p> <p>Contoh Peristiwa</p> <p>1. Pak Saidi berjaya meyakinkan isterinya yang ragu dengan pendidikan Inggeris dan pandangan serong orang kampung. Pak Saidi perlu berjumpa guru besar berbangsa Inggeris dahulu untuk soal siasat sebelum Adnan diterima. Pak Saidi menggunakan bantuan guru Melayu di sekolah itu (Cikgu Nazri). Adnan sangat gembira.</p> <p>atau</p> <p>2. Setiap pagi, sebelum pergi ke sawah, Pak Saidi mengayuh basikal menghantar Adnan ke sekolah Inggeris di pekan Sungai Ramal. Tengah hari dia menjemput anaknya dari sekolah. Syarat memakai baju baharu, seluar baharu dituruti oleh Pak Saidi.</p>	2
2	<p><b>Kita hendaklah gigih dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan walaupun terpaksa berkorban nyawa.</b></p> <p>Contoh Peristiwa</p> <p>Tinggal Bukit Candu dan pasir Panjang sebagai benteng terakhir bagi menyelamatkan pangkalan utama Alexandra. Tanggungjawab digalas oleh kapten Rix dan Leftenant Adnan setelah Percival enggan mengaku kalah. Rix ragu-ragu, tetapi Adnan berjanji akan bertahan hingga ke titisan darah terakhir.</p>	2
3	<p><b>Kita hendaklah gigih untuk mencapai cita-cita dengan melakukan pelbagai perkara</b></p> <p>Contoh Peristiwa</p> <p>Adnan bersama beberapa orang rakannya, nekad keluar dari kampung untuk pergi ke kem latihan ketenteraan di Port Dickson. Mereka pergi Cuma berjalan kaki dan menumpang lori barang dari Kajang ke Seremban. Dan dari Seremban ke Port Dickson. Mereka telah diterima menjadi tentera selepas dimaklumkan oleh dua orang anggota tentera yang datang ke rumahnya.</p>	2

SULIT

4	<p><b>Kita hendaklah gigih untuk berjuang bersama ahli pasukan demi mempertahankan negara</b></p> <p>Comtoh peristiwa Rejmen Askar Melayu bersungguh-sungguh mempertahankan kedudukan. Satu-satunya pasukan yang masih bersemangat untuk bertempur dengan tentera Jepun ialah askar Melayu. Adnan dan aggotanya tetap akan berjuang hingga ke titisan darah yang terakhir walaupun anggota pasukannya tidak ramai tetapi dia percaya hanya dengan semangat juang yang tinggi mampu memberikan tentangan sengit kepada musuh.</p>	2
---	--	---

\*\*\*Terima mana-mana isi yang relevan

Skema Jawapan Cadangan 4(b)

#### Pengajaran Kegigihan bagi Novel Tirani

Bil.	Contoh Peristiwa	Markah
1.	<p><b>Kita hendaklah gigih mencari penyelesaian kepada masalah yang dihadapi walaupun terpaksa berhadapan dengan tohmahan dan dugaan.</b></p> <p>Contoh Peristiwa Waheeda meneruskan niatnya untuk menjalani pembedahan plastik di Singapura walaupun bertentangan dengan syariat agama. Namun, kecederaan yang dialaminya di muka akibat serangan monyet Belanda menyebabkan Waheeda meneruskan niatnya itu demi tugasnya sebagai pengusaha chalet pelancongan.</p>	2  1
2.	<p><b>Kita hendaklah gigih melakukan sesuatu perkara yang boleh memperkenalkan identiti bangsa sebagai warisan bangsa.</b></p> <p>Contoh Peristiwa Waheeda gigih mencari idea untuk memakai pakaian yang bersesuaian dengan pertandinga ratu cantik yang akan disertainya dan akhirnya mengenakan pakaian Gajoh Oleng yang merupakan pakaian tradisi Sarawak dalam Pertandingan Ratu Antarabangsa di Flamingo Resort.</p>	2  1
3.	<p><b>Kita hendaklah gigih melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan oleh majikan walaupun terpaksa berhadapan masalah dengan keluarga.</b></p> <p>Contoh Peristiwa Tugas Waheeda di Flamingo semakin sibut. Banyak aktiviti melibatkan dirinya setelar digelar Ratu Miss Tourism International. Halloway terus sahaja menyarankan beberapa tugas yang perlu dilaksanakan oleh Waheeda untuk acara di Flamingo.</p>	2  1
4.	<p><b>Kita hendaklah gigih menjalankan perniagaan tanpa bergantung kepada orang lain demi kebaikan pada masa hadapan.</b></p> <p>Contoh peristiwa Waheeda yang memang gigih dan cekap mengendalikan perniagaan Tajau Emas tidak ingin mahu bergabung dengan Seri Gading milik Datuk Yasser kerana Waheeda ingin berdikari dalam memajukan syarikat miliknya itu.</p>	2  1
5.	<p><b>Kita hendaklah gigih mencari bukti untuk menegakkan fitnah dan tohmahan supaya maruah kita terpelihara.</b></p> <p>Contoh Peristiwa Waheeda telah menunjukkan DNA yang telah dibuatnya kepada suaminya, Zahid sebagai bukti bahawa Izzati anak mereka demi Waheeda menyelamatkan rumah tanggannya. Namun Zahid telah meninggalkan bilik tidurnya.</p>	2  1

SULIT

6.	Kita hendaklah gigih membesarkan anak sendiri tanpa bantuan orang lain demi masa depannya.  Contoh peristiwa Waheeda gigih melawan kemurungan selepas bercerai dengan Zahid dengan membesarkan Izzati bersama sokongan keluarga sehingga Izzati memperoleh ijazah dalam bidang pelancongan dan menguruskan Chalet Iwani-Iwana.	2  1
----	---	------------

**\*\*\*Terima mana-mana isi yang relevan****PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**